

13 JUN 2003

Ali-Air

BEKALAN AIR DI MELAKA HINGGA TAHUN 2023

JASIN, 13 Jun (Bernama) -- Bekalan sumber air di Melaka dijangka dapat menampung keperluan penduduknya sehingga tahun 2023, dengan siapnya empangan Jus yang akan beroperasi pada tahun hadapan.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata empangan berkenaan dengan kawasan tadahan seluas 535 hektar dengan keluasan 23 kilometer persegi mula mengumpul air pada April lepas dan dijangka dapat dipenuhi pada Disember 2004.

"Apabila empangan ini digunakan, ia dijangka dapat menampung keperluan air di Melaka sehingga tahun 2018, manakala Loji Rawatan air di Gadek di Alor Gajah dan Lanchang di Merlimau dijangka membantu untuk membekalkan air kepada rakyat sehingga tahun 2023," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penempatan semula penduduk kampung Jus yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk empangan itu.

Beliau terdahulu melawat empangan Jus yang bernilai RM118 juta mula dibina sejak tahun lepas dan dijangka dapat membekalkan air bersih sebanyak 135 juta liter air sehari.

Menurutnya, selepas tahun 2023, Kerajaan Negeri terpaksa mencari alternatif lain seperti membeli air bersih dari negeri lain atau membuat saluran paip tambahan dari Sungai Gersik di Muar untuk menampung keperluan penduduk ketika itu.

Mohd Ali berkata, Kerajaan Negeri menyokong cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar Kerajaan Persekutuan mengambilalih pengurusan air di peringkat negeri.

"Untuk jangka panjang Melaka tidak mempunyai pilihan. Kalau pentadbirannya dipusatkan di peringkat persekutuan, sumber-sumber air dari negeri lain dapat membantu keperluan penduduk di negeri-negeri yang kurang sumber airnya," katanya.

Beliau berkata selain itu, pengurusan air negara akan dapat memberikan khidmat lebih baik serta tarifnya mungkin boleh diseragamkan seperti yang berlaku pada tarif elektrik yang dikendalikan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Cuma negeri yang mempunyai bekalan sumber air yang banyak akan mendapat keuntungan lebih berbanding negeri yang kurang sumber airnya," katanya.

Mengenai penempatan semula penduduk di kampung berkenaan, beliau berkata seramai 141 tuan tanah terlibat dalam pengambilan tanah untuk pembinaan empangan Jus itu dan melibatkan pampasan sebanyak RM37 juta.

"Buat masa ini, sebanyak 31 keluarga telah membina rumah mereka di kampung Jus Permai ini dan selebihnya akan membina dalam fasa kedua nanti," katanya.

Mengulas kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting supaya pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri menyediakan pusat sertempat bagi melicinkan pemprosesan kelulusan pelan pembangunan serta sijil layak menduduki (CF), Mohd Ali berkata Melaka telah lama mewujudkan pusat sedemikian.

"Kerajaan Negeri menamakan jawatankuasa ekspres yang mengadakan mesyuarat seminggu sekali dengan saya sebagai pengerusinya, untuk membolehkan setiap masalah pelan pembangunan serta CF dibincangkan," katanya.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan mempamerkan syarat-syarat untuk memperoleh CF di PBT agar orang ramai mengetahuinya serta membolehkan

mereka berurusan dengan cepat apabila memenuhi syarat yang diperlukan itu, kata beliau.

Menurut Mohd Ali di peringkat PBT, mereka sendiri mempunyai jawatankuasanya dan sekiranya mempunyai masalah pemaju akan diberi tempoh dua minggu untuk menyelesaikannya sebelum mendapat kelulusan.

-- BERNAMA

SBS PR